

Penerapan Strategi Rutin Berfikir Dalam Pengajaran Kefahaman Membaca

Kartini Khairi

kartini_khairi@schools.gov.sg

Siti Nur Akashah Mustaffa

siti_nur_akashah_mustaffa@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Westgrove

Abstrak

Pencapaian murid dalam komponen kefahaman subjektif berada di bawah puratusan purata nasional bagi peperiksaan PSLE 2017. Berdasarkan penelitian yang dilakukan didapati murid kurang memahami kehendak soalan dan kurang berfikir secara mendalam tentang teks kefahaman yang dibaca. Oleh itu, kajian ini memberikan tumpuan pada permasalahan utama, iaitu soalan kefahaman berbentuk inferens. Pengetahuan murid dibina dengan memperkenalkan infografik bagi membantu proses pemahaman murid agar mereka dapat menjawab soalan dengan betul. Selain itu, kajian ini juga memberi tumpuan pada rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya bagi meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis semasa membaca teks dan menjawab soalan kefahaman. Dapatan kajian menunjukkan bahawa usaha yang dijalankan, berupaya meningkatkan kemahiran murid untuk berfikir secara kritis dan menjawab soalan kefahaman berbentuk inferens dengan lebih berkesan di samping melahirkan murid yang lebih bermotivasi.

Kata Kunci: kefahaman subjektif, rutin berfikir, amalan pengajaran, infografik, perancah pengajaran

PENGENALAN

Menerusi penelitian laporan pencapaian PSLE 2017, murid didapati memerlukan perancangan atau *scaffolding* bagi membantu mereka memahami soalan kefahaman inferens yang berbentuk buktikan. Komponen kefahaman subjektif mengandungi pemberatan markah yang tertinggi di dalam Kertas 2 Bahasa Melayu.

Profil murid yang lebih rencam menjadikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) kefahaman lebih mencabar. Oleh yang demikian, guru perlu berusaha untuk melakarkan strategi tertentu yang sesuai dengan keperluan murid agar kemahiran membaca murid dapat ditingkatkan dan mereka dapat berfikir secara kritis dengan lebih baik.

Amalan Pengajaran Singapura (STP) menjelaskan pendekatan Singapura tentang pengajaran dan pembelajaran dalam kurikulum. STP ialah model PdP yang dibina berasaskan pengalaman masa lalu, disesuaikan untuk sekolah-sekolah Singapura untuk membimbing dan mengukuhkan PdP yang berkesan. Dalam kajian ini, STP diterapkan secara sedar mencakupi segala aspek pengajaran dan pembelajaran murid. Guru mengambil kira profil murid dan memahami pembelajaran sebagai satu proses sosial. Oleh itu, murid pelbagai aras kebolehan dan keupayaan dikumpulkan di dalam sebuah kelas agar guru dapat merangsang minat dan meningkatkan motivasi murid. Semasa penyediaan pelajaran, guru memilih strategi pengajaran dengan tujuan utama untuk merancah pembelajaran murid melalui tunjuk cara atau modeling agar murid dapat meneliti cara guru menunjukkan kaedah menjawab soalan.

Infografik juga digunakan dan dimanfaatkan bagi membantu murid. Infografik merupakan singkatan daripada perkataan informasi dan grafik yang dipamerkan dalam bentuk representasi visual. Dr. Judy Willis, seorang pakar sains saraf dan guru sains sekolah menengah. Beliau menjelaskan bahawa cerita dan penggunaan imejan, gambar, dan alat visual dapat menarik perhatian pelajar secara sedar. Melalui infografik, idea dapat disampaikan menggunakan satu simbol.

PERNYATAAN MASALAH

Tahun demi tahun, setiap kali analisis keputusan peperiksaan dijalankan, komponen yang menjadi masalah bagi sejumlah besar murid ialah komponen kefahaman. Laporan pencapaian PSLE juga menunjukkan bahawa pencapaian murid untuk komponen kefahaman subjektif lebih rendah daripada peratusan purata nasional. Berdasarkan pemerhatian guru di dalam kelas, kebanyakan



murid tidak dapat menjawab soalan-soalan kefahaman terutama sekali soalan jenis inferens. Antara masalah yang dihadapi oleh murid seperti tidak memahami teks dan soalan, memilih jawapan yang betul dan tidak dapat mengenal pasti kata kunci dalam soalan. Atas masalah ini pencapaian murid untuk komponen kefahaman subjektif adalah 9% di bawah purata nasional.

Berdasarkan masalah-masalah yang dihadapi oleh murid ini, guru telah melakarkan satu strategi yang memberikan tumpuan pada penggunaan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya (*See-Think-Wonder*). Menerusi strategi ini, murid digalakkan untuk berfikir secara kritis semasa membaca teks dan soalan, lantas membantu mereka untuk memahami teks dan soalan dengan lebih baik lagi.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan kebolehan murid untuk memahami teks yang dibaca;
2. meningkatkan keupayaan murid dalam menjawab soalan-soalan kefahaman dengan mengutamakan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya; dan
3. menggalakkan murid berfikir dengan lebih kritikal sebelum menjawab soalan-soalan kefahaman.

KAJIAN LEPAS

Terdapat pelbagai jenis kajian yang telah dijalankan untuk PdP kefahaman membaca. Menurut Alderson (2000) kefahaman membaca merupakan proses pelbagai dimensi yang melibatkan banyak faktor pada tahap yang berbeza. Antara dimensi yang terlibat berkaitan adalah kosa kata dan pengetahuan berkaitan teks, struktur teks, ayat kompleks dan faktor afektif seperti motivasi. Oleh yang demikian, terdapat pelbagai pertimbangan yang harus dilakukan demi meningkatkan kemahiran menjawab soalan kefahaman. Guru harus memilih pendekatan pengajaran yang sesuai dan tepat agar murid mampu untuk mengaplikasikan atau mempamerkan pengetahuan, kemahiran, sikap dan tingkah laku yang ingin dicapai. Tidak semua kaedah pembelajaran sesuai bagi setiap murid. Ada strategi yang lebih berkesan daripada yang lain dan pelbagai pertimbangan yang boleh dilakukan oleh guru untuk mengoptimumkan pembelajaran murid (Biggs and Moore, 1993).

Melakukan tunjuk cara atau *modeling* adalah salah satu jenis perancah pengajaran yang berkesan. Schunk dan Zimmerman (1996) menegaskan bahawa murid perlu diberi peluang untuk mengamalkan pelbagai strategi



yang berkaitan dengan pembelajaran sendiri untuk menguasai sepenuhnya kemahiran ini. Menguasai kemahiran ini menjadi lebih mudah apabila guru menyediakan bimbingan, maklum balas, dan pengukuhan sosial semasa amalan.

Menurut Dajani (2016), pelaksanaan amalan rutin berfikir adalah penting bagi membantu guru memantau proses pemikiran murid. Rutin berfikir amat berkesan bagi mewujudkan budaya yang mampu membantu murid berfikir dengan lebih teratur dan berstruktur (Ritchhart, 2006). Melalui amalan rutin berfikir, guru dapat menjana dan melibatkan murid secara aktif dalam aktiviti perbincangan.

Dalam pendidikan, infografik sering digunakan di dalam buku teks untuk menyokong bahan atau teks yang dibentangkan. Menurut Smiciklas (2012), manusia telah menggunakan ikon, imejan, dan gambar sejak dahulu lagi untuk bercerita, berkongsi maklumat dan menambah pengetahuan. Beliau juga menekankan bahawa salah satu sebab manusia dapat memproses gambar lebih cepat daripada teks ialah cara otak manusia mengendalikan maklumat yang diterimanya. Otak memproses data daripada gambar secara langsung. Menurut Dunlap dan Lowenthal (2016), kehebatan infografik dapat menyampaikan informasi yang banyak dalam ruang yang kecil tetapi informasi tersebut masih tetap tepat dan jelas.

Oleh yang demikian, kajian membina pengetahuan sedia ada murid dalam menjawab soalan kefahaman dengan amalan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya dan penggunaan infografik.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan dalam dua fasa bagi dua kumpulan sasaran dari peringkat yang berbeza. Fasa pertama dijalankan pada bulan Mac. Hasil dapatan daripada kumpulan sasaran pertama diteliti dan kaedah kajian dikemas kini. Fasa kedua dijalankan pada bulan September bersama kumpulan sasaran yang baharu.

Kajian ini mengambil kira analisis secara kuantitatif, menggunakan data daripada praujian dan pascaujian sebagai perbandingan. Kajian ini menerapkan strategi rutin berfikir, iaitu Lihat-Fikir_Tanya dengan penggunaan bahan infografik. Fungsi infografik ini adalah untuk membantu murid mengingat semula apa yang sudah diajar oleh guru melalui ikon yang terdapat dalam infografik tersebut. Infografik ini juga dijadikan bahan rujukan dalam kelas. Sila lihat Rajah 1.



Rajah 1: Infografik Strategi Menjawab Soalan Kefahaman



Selain itu, kajian ini juga mengambil kira Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang memberikan tumpuan pada dua proses pengajaran, iaitu pelaksanaan pelajaran dan penilaian dan maklum balas. Maklumat ringaks mengenai STP seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Amalan Pengajaran Singapura

| Proses Pengajaran | Aspek Pengajaran | Aktiviti Mengajar |
|----------------------------|--|---|
| Pelaksanaan Pelajaran | <p>AP13: Mengaktifkan Pengetahuan Sedia ada</p> <p>AP17: Memberikan Penerangan yang Jelas</p> | <p>AM2: KWL – Tahu, Mahu Tahu, Telah Pelajari Penggunaan KWL dapat menyerlahkan pengetahuan sedia ada murid dan membantu guru fokus pada bahagian pengajaran yang dapat menambah nilai pengetahuan mereka.</p> <p>AM2: Melakukan Tunjuk Cara Melakukan Tunjuk Cara atau modeling merupakan salah satu jenis <i>scaffolding</i> atau perancah pengajaran. Murid boleh meneliti cara guru menjawab soalan. Modeling juga merangsang minat murid belajar.. Murid yang memerlukan lebih pemahaman banutan dapat mengikuti pelajarana dengan tunjuk cara yang dilakukan oleh guru.</p> |
| Penilaian dan Maklum Balas | AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas | AM1: Maklum Balas dalam Bentuk Komen Sahaja AM ini bertujuan untuk melengkapkan proses KWL dan menggalakkan murid merumuskan pengajaran yang mereka perolehi. |
| Penerangan dan Justifikasi | <p>Dalam pelaksanaan pelajaran guru jug amenggunakan lagu Bangau Oh Bangau!'. Tujuan guru memainkan lagu 'Bangau Oh Bangau!' adalah untuk mengajar sebab dan akibat yang berkait rapat dengan pembelajaran Kefahaman.</p> <p>Proses mengimbas kembali membantu murid dalam proses menjawab soalan kefahaman. Murid membuat refleksi tentang kebiasaan semasa menjawab soalan Kefahaman dan menggalakkan mereka membuat refleksi tentang kelemahan mereka.</p> <p>Guru perlu mengetahui latar belakang dan tahap pembelajaran murid untuk memberi respons kepada keperluan mereka mereka dengan wajar dan fleksibel. Cara guru memberi respons kepada jawapan dan idea murid mempengaruhi pemikiran dan motivasi murid semasa pengajaran.</p> | |

Subjek Kajian

Subjek kajian bagi fasa yang pertama melibatkan 58 orang murid Darjah 6. Dalam fasa yang kedua, 37 orang murid Darjah 5 terlibat dalam kajian. Kedua-dua kumpulan sasaran ini mempunyai aras kebolehan yang berbeza.



Instrumen Kajian




Instrumen utama kajian terdiri daripada rutin berfikir LFT dan bahan infografik. Bagi kajian ini dijalankan bagi dua fasa. Fasa satu untuk murid Darjah 6 manakala fasa 2 untuk murid Darjah 5. Markah ujian formatif CA (2018) sebagai bahan praujian dan SA (2018) sebagai pascaujian.

Prosedur Kajian

Guru menjelaskan objektif pelajaran agar murid memahami apa yang akan mereka pelajari. Guru menggunakan KWL – Tahu, Mahu Tahu, Telah Pelajari untuk menggalakkan murid menyatakan apa yang mereka telah ketahui, untuk menyatakan apa yang mereka ingin tahu cara menjawab soalan kefahaman dan pada akhir pelajaran, untuk membuat refleksi mengenai apa yang mereka telah pelajari.

Selepas murid berkongsi mengenai Tahu dan Mahu Tahu guru memperkenalkan ikon atau imejan berserta dengan panduan strategi tersebut di dalam bentuk infografik Menerusi pembelajaran yang dijalankan selama tiga sesi, sepanjang sejam setengah setiap sesi, murid diberikan pendedahan kepada rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya. Sebelum sesi ini, murid tidak pernah didedahkan kepada strategi pembelajaran ini secara eksplisit. Lihat panduan rutin berfikir di Rajah 2.

Jadual 2: Rutin Berfikir Lihat-Fikir-Tanya

| | |
|--|--|
|  Saya Lihat ... | Cari dan garis kata kunci bagi setiap soalan. |
|  Saya Fikir... | Di manakah kata kunci tersebut terdapat di dalam teks? Apakah makna kata kunci tersebut? Apakah informasi yang diperlukan untuk menjawab soalan ini? |
|  Saya Tanya ... | Adakah informais inis esuai dan mencukupi untuk menjawab soalan? |

Guru menerangkan secara terperinci strategi menjawab soalan kefahaman dengan mengaplikasikan rutin berfikir berserta contoh-contoh soalan dan tek-teks kefahaman yang singkat. Guru juga menggunakan infografik yang mengandungi imejan atau ikon yang sesuai dengan panduan amalan rutin berfikir tersebut. Poster infografik itu ditampal di papan notis setiap bilik darjah untuk mengingatkan murid agar mengamalkan rutin berfikir semasa membuat latihan kefahaman di dalam bilik darjah.

Rajah 2: Infografik Lihat-Fikir-Tanya



Guru fokus pada soalan-soalan berbentuk 'buktikan' dan 'jelaskan'. Cara soalan-soalan ini dioleh juga mempunyai variasi. Namun, semuanya menjerus pada jawapan yang sama. Dalam hal ini guru perlu membimbing murid untuk memahami kehendak soalan agar mereka dapat memberikan jawapan yang diharapkan. ' Rujuk Jadual 4.

Jadual 3: Contoh-contoh Olahan Soalan

| | |
|---|--|
| 1 | Si pekan merupakan anak yang mementingkan diri sendiri. Berikan bukti untuk menyokong pernyataan ini. |
| 2 | Si pekan merupakan anak yang mementingkan diri sendiri. Berikan bukti untuk menyokong pernyataan ini. Jelaskan pernyataan ini. |
| 3 | Si pekan merupakan anak yang mementingkan diri sendiri. Berikan bukti untuk menyokong pernyataan ini. Berikan sebab-sebabnya, |
| 4 | Mengapakah Si pekan merupakan anak yang mementingkan diri sendiri? |

Seterusnya guru melakukan tunjuk cara bagaimana strategi rutin berfikir LFT dilaksanakan. Murid-murid digalakkan untuk bekerjasama semasa strategi rutin berfikir LFT dijalankan.

Guru bertindak sebagai fasilitator dengan memberi sokongan kepada murid yang memerlukan bantuan atau bimbingan dalam melaksanakan tugas. Guru meringkaskan sesuatu masalah atau membahagikan tugas itu kepada langkah-langkah yang mudah difahami oleh murid. Sekiranya murid menghadapi masalah atau kesukaran dalam membuat tugas, guru menyediakan soalan-soalan yang memberikan tumpuan pada masalah



tersebut. Langkah-langkah ini sangat penting kerana langkah itu membantu murid lebih memahami kehendak soalan. Guru memberi perangsang kepada murid untuk menggunakan pengetahuan sedia ada dan kemahiran yang baru diperkenalkan untuk melengkapkan aktiviti secara individu, berpasangan atau berkumpulan. Semasa murid melengkapkan aktiviti, guru memantau perbincangan murid. Guru menyediakan suasana pembelajaran yang positif di mana murid yang membuat kesilapan hanya perlu mengenal pasti kesilapan mereka dan membuat pembedaan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Fasa Pertama

Analisis markah ujian formatif CA (2018) sebagai praujian dan SA (2018) sebagai pascaujian dilakukan semasa fasa pertama. Analisis dilakukan bagi empat soalan yang mempunyai tahap kesukaran dan kehendak soalan yang serupa. Berikut adalah soalan-soalan yang dikenal pasti dan digunakan di dalam kajian ini.

Jadual 4: Soalan Kefahaman yang Dijadikan Perbandingan

| | Praujian | Pascaujian |
|----------|---|---|
| Soalan 1 | Teman akrab Sazali, Firdaus, bukanlah seorang rakan yang baik. Berikan dua bukti. (4 markah) | Berikan dua contoh yang menunjukkan Zainal seorang abang yang bertanggungjawab. (4 markah) |
| Soalan 2 | Kecederaan yang dialami oleh Sazali amat parah. Buktikan. (4 markah) | Zainal dan adiknya perlu berjalan dengan berhati-hati. Buktikan. (4 markah) |

Soalan 1 merupakan soalan yang menghendaki murid memberikan bukti bagi sifat watak. Soalan 2 pula mengemukakan pernyataan dan menghendaki murid memberikan bukti bagi pernyataan tersebut. Markah penuh bagi keempat-empat soalan ini ialah 4 markah.

Peratusan murid yang lulus dan meraih 2 hingga 4 markah juga meningkat seperti yang dapat dilihat di dalam Jadual 5.

Jadual 5: Dapatan Praujian dan Pascaujian

| | Murid yang Lulus | |
|----------|------------------|------------|
| | Praujian | Pascaujian |
| Soalan 1 | 83% | 97% |
| Soalan 2 | 74% | 95% |

Pencapaian murid daripada tiga aras kebolehan juga diteliti oleh guru. Tujuan penelitian ini dilakukan adalah untuk mengetahui sama ada pendekatan dan kaedah pengajaran yang dijalankan lebih sesuai dan bermanfaat bagi murid pada aras kebolehan tertentu sahaja bagi semua aras kebolehan. Jadual 6 dan 7 menunjukkan pencapaian murid bagi Soalan 1 dan Soalan 2.

Jadual 6: Pencapaian Murid bagi Soalan 1

| | Kumpulan Murid HP | | Kumpulan Murid MP | | Kumpulan Murid LP | |
|------------|-------------------|-------|-------------------|-------|-------------------|-------|
| | Lulus | Gagal | Lulus | Gagal | Lulus | Gagal |
| Praujian | 27 | 2 | 17 | 4 | 4 | 4 |
| Pascaujian | 29 | 0 | 19 | 2 | 8 | 0 |

Jadual 7: Pencapaian Murid bagi Soalan 2

| | Kumpulan Murid HP | | Kumpulan Murid MP | | Kumpulan Murid LP | |
|------------|-------------------|-------|-------------------|-------|-------------------|-------|
| | Lulus | Gagal | Lulus | Gagal | Lulus | Gagal |
| Praujian | 26 | 3 | 15 | 6 | 2 | 6 |
| Pascaujian | 28 | 1 | 18 | 3 | 6 | 2 |

Dapatan analisis menunjukkan secara keseluruhan, murid bagi ketiga-tiga aras kebolehan meraih manfaat daripada pendekatan dan kaedah pengajaran yang dijalankan. Namun, kumpulan murid yang menunjukkan peningkatan yang ketara merupakan murid praaras kebolehan.

Berdasarkan pemerhatian guru, murid-murid terangsang dengan aktiviti yang dijalankan. Murid juga dapat mempelajari dengan rakan-rakan mereka. Selain itu, guru juga mendapati, murid yang pendiam perbincangan untuk menjawab soalan turut melibatkan diri secara aktif untuk berbincang dan mengajar rakan sekelas mereka. Murid juga berupaya memahami kaedah menjawab soalan dengan lebih terperinci melalui perancah pengajaran yang guru lakukan.



Fasa Kedua

Dalam Fasa 2 pula, markah daripada ujian formatif SA1 (2018) dan SA2 (2018) murid Darjah 5. Berikut adalah soalan-soalan yang dikenal pasti dan digunakan di dalam kajian ini.

Jadual 8: Soalan Kefahaman yang Dijadikan Perbandingan

| | Praujian | Pascaujian |
|----------|---|---|
| Soalan 1 | Pak Long seorang yang baik hati. Buktikan. (4 markah) | Encik Jumari seorang bapa yang bertanggungjawab. Nyatakan apa yang telah dilakukan oleh Encik Jumari. (4 markah) |
| Soalan 2 | Berikan dua contoh yang menunjukkan Hamdan seorang yang pandai berdikari. (4 markah) | Encik Jumari prihatin terhadap pelajaran anak-anaknya. Nyatakan dua perbuatan Encik Jumari yang menyokong pernyataan ini. (4 markah) |

Keempat-empat soalan merupakan soalan yang memerlukan murid memberikan bukti bagi menyokong pernyataan mengenai sifat watak. Markah penuh keempat-empat soalan ini ialah 4 markah.

Selanjutnya, Jadual 8 menunjukkan pencapaian murid bagi praujian dan pascaujian. Jadual ini juga tidak dapat menunjukkan perbezaan peningkatan kumpulan murid HP dan MP dari praujian ke pascaujian yang ketara.

Jadual 9: Pencapaian Murid bagi Praujian dan Pascaujian

| | | Praujian | | | | Pascaujian | | | |
|--------------------------|-------|-----------------|----|----------|----|-------------------|----|----------|----|
| Kumpulan | | Soalan 1 | | Soalan 2 | | Soalan 1 | | Soalan 2 | |
| | | Markah | % | Markah | % | Markah # | % | Markah # | % |
| Kumpulan Murid HP | Lulus | 20 | 87 | 8 | 35 | 16 | 70 | 20 | 87 |
| | Gagal | 3 | 13 | 15 | 65 | 7 | 30 | 3 | 13 |
| Kumpulan Murid MP | Lulus | 8 | 67 | 1 | 8 | 4 | 36 | 5 | 45 |
| | Gagal | 4 | 33 | 11 | 92 | 9 | 82 | 8 | 73 |

Kesimpulan yang dibuat ialah pemilihan teks, pengolahan soalan dan kosa kata yang digunakan di dalam soalan kefahaman memainkan peranan penting dalam penilaian murid. Jika diteliti semula Soalan 1 dan Soalan 2 bagi kedua-dua ujian terdapat empat kata kunci yang harus difahami oleh murid untuk menjawab soalan tersebut dengan tepat iaitu ‘baik hati’, ‘berdikari’, ‘bertanggungjawab’ dan ‘prihatin’. Tanpa memahami makna kata kunci tersebut, murid tidak berupaya memahami kehendak soalan.

Berdasarkan analisis Jadual 9, didapati bahawa kata kunci ‘baik hati’ yang paling mudah difahami oleh murid, diikuti dengan ‘prihatin’ dan ‘bertanggungjawab’ manakala kata kunci ‘berdikari’ mungkin paling sukar difahami murid-murid.

Hasil dapatan maklum balas dan refleksi murid menunjukkan bahawa murid telah cuba untuk memanfaatkan strategi ini dalam menjawab soalan kefahaman subjektif. Walaupun analisis dapatan pencapaian murid tidak menunjukkan peningkatan murid dari praujian ke pascaujian yang ketara dalam fasa 2, murid memaklumkan bahawa mereka mendapati strategi ini membolehkan mereka untuk lebih memahami soalan dan teks. Bukan sahaja murid yang melebihi aras kebolehan yang berpendapat sedemikian, malahan murid pada aras kebolehan juga mengatakan bahawa strategi ini sedikit sebanyak telah membantu mereka kerana mereka rasa lebih terpandu dengan strategi rutin berfikir LFT. Maklum balas murid seperti dalam Jadual 10.

Jadual 10: Maklum Balas dan Refleksi Murid-Murid Darjah 6

| Soalan | Jawapan pelajar |
|---|--|
| Komponen apakah yang membanggakan kamu berdasarkan keputusan peperiksaan kamu? Mengapa? | Saya bangga dengan pencapaian saya bagi komponen kefahaman kerana saya tidak pernah dapat markah yang tinggi dalam kefahaman tetapi sekarang saya boleh dapat markah yang tinggi dalam kefahaman. |
| Apakah tiga perkara yang kamu pelajari di dalam kelas BM tahun ini? | Saya mempelajari perkara penting seperti membaca teks kefahaman sebanyak 3 kali semasa peperiksaan dan belajar menguruskan waktu rehat dan belajar. Saya pun belajar untuk bekerjasama dengan kawan-kawan. |
| Apakah pelajaran dalam kelas BM yang kamu suka? Mengapa? | Pelajaran dalam kelas BM yang saya sukai ialah pelajaran kefahaman kerana saya dapat memahami kehendak soalan. |



Jadual 11: Maklum Balas dan Refleksi Murid-Murid Darjah 5

| Soalan | Jawapan pelajar |
|---|---|
| Komponen apakah yang membanggakan kamu berdasarkan keputusan peperiksaan kamu? Mengapa? | Pencapaian saya bagi komponen kefahaman objektif yang membanggakan saya berdasarkan keputusan peperiksaan saya kerana komponen itu yang paling sukar tetapi saya mendapat markah yang lebih baik bagi dalam komponen ini apabila saya menggunakan strategi Lihat-Fikir-Tanya. |
| Apakah yang kamu lakukan jika ada perkataan yang kamu tidak faham dalam soalan kefahaman? Bagaimanakah kamu menjawab soalan tersebut? | Saya cuba mencari pembayang di dalam petikan apabila saya tidak tahu soalan kefahaman itu. |

KESIMPULAN

Salah satu keterbatasan kajian ini adalah kekurangan keselarasan jenis soalan yang dikaji. Cara yang terbaik untuk menguji keberkesanan sesuatu kaedah atau pendekatan ialah keseragaman analisis. Perkara ini tidak berlaku dalam kajian ini kerana terdapat cara analisis kajian dijalankan berbeza.

Kajian yang menerapkan Amalan Pengajaran Singapura atau STP secara sedar ini memastikan guru lebih peka tentang latar belakang atau profil murid, pilihan pembelajaran dan strategi yang sesuai dan tepat bagi murid pelbagai kebolehan.

Hasil daripada kajian ini juga, terbukti bahawa melakukan tunjuk cara secara eksplisit merupakan perancah pengajaran yang berkesan. Yang jelas, guru perlu memberikan kesempatan bagi murid untuk memerhati dan meneliti kaedah menjawab soalan atau menguasai sesuatu kemahiran beberapa kali sebelum memberikan peluang kepada murid untuk menunjukkan apa yang mereka pelajari. Guru harus menggunakan fleksibiliti di dalam bilik darjah agar murid berasa selesa dan bermotivasi untuk menumpukan perhatian.

Strategi rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya berupaya meningkatkan kemahiran murid untuk membaca dan berfikir secara kritis. Rutin berfikir membantu murid berfikir secara tersusun dan berstruktur. Namun, keberkesanannya bergantung kepada tahap kebolehan dan keupayaan murid. Walau bagaimanapun, guru-guru harus terus mengembangkan potensi murid dengan melengkapkan mereka dengan kemahiran yang memanfaatkan

mereka. Selain itu, infografik merupakan bahan visual yang mudah disediakan. Ini juga amat berkesan dan mampu menarik perhatian murid. Penggunaan ikon dan imejan juga membantu murid mengingat sesuatu konsep atau idea tanpa perlu membaca teks atau bahan yang banyak.

Secara keseluruhan, matlamat kajian ini tercapai. Penerapan STP telah membantu guru melaksanakan pelajaran dengan lebih berkesan. Pada masa yang sama murid juga dan strategi rutin berfikir dan bahan berupaya meningkatkan kemahiran berfikir dan menjawab soalan kefahaman berbentuk inferens dengan lebih berkesan dan lebih bermotivasi.

RUJUKAN

- Alderson J. C. (2000). *Assessing Reading*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Biggs, J. B. & Moore, P. J. (1993). *The process of learning*. (3rd ed.). New York: Prentice Hall.
- Dajani M. (2016). *Using thinking routines as a pedagogy for teaching English as a second language in Palestine*. *Journal of Educational Research and Practice*.
- Dunlap J. C. & Lowenthal P. R. (2016). *Getting graphic about infographics: design lessons learned from popular infographics*. *Journal of Visual Literacy*, 35:1, 42-59, DOI: 10.1080/1051144X.2016.1205832
- Hudson T. (2007). *Teaching Second Language Reading*. Oxford: Oxford UP
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Ritchhart R. (2006). *Thinking Routines: Establishing patterns of thinking in the classroom* (paper presented at the AERA Conference, San Francisco, 2006).
- Schunk D. H., Zimmerman B. J. (1996). *Self-regulation and learning*. In D. C. Berliner & R. C. Calfee (Eds.), *Handbook of educational psychology* (pp. 59-78). New York: Macmillan.
- Smiciklas M. (2012). *The Power of Infographics*. Pearson education, inc.

